

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7348**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nasib seorang polis marin yang diculik di Pulau Mabul, Sabah pada bulan Julai.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes culik anggota Polis Marin yang berlaku pada bulan Julai 2014 di Jeti Smart Waer Bungalow Resort Pulau Mabul berkait Semporna report 3688/14, status mangsa sehingga kini masih lagi dalam tahanan penculik dan dipercayai berada di Selatan Filipina. Mangsa disahkan masih selamat dan kerap berhubung dengan ahli keluarga beliau menggunakan talian telefon negara jiran.**

**Pihak PDRM masih membuat rundingan dengan kumpulan penculik untuk menyelamatkan mangsa di samping menjalankan risikan yang terperinci untuk mengesan kedudukan sebenar mangsa ditahan. Pihak keluarga juga sentiasa dimaklumkan mengenai status rundingan yang dijalankan.**